

21/12/1999

Pembangkang gagal tangguhkan Dewan (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Ebi Azly Abdullah; Bakhari Ariff
KUALA LUMPUR, Isnin - Pembangkang hari ini gagal menangguhkan sidang pertama Parlimen Ke-10 walaupun mereka bertindak keluar dari Dewan Rakyat sebelum mengangkat sumpah jawatan kerana mendakwa kononnya persidangan tidak sah.

Mereka, diketuai Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, mula meninggalkan Dewan kira-kira 10.55 pagi sebagai membantah persidangan itu, yang dianggap tidak sah mengikut Perlembagaan.

Fadzil yang juga Ketua Pembangkang mendakwa, persidangan itu tidak sah kerana notis memanggil mesyuarat Parlimen bertarikh 13 Disember, dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dibuat tanpa mendapat nasihat Kabinet yang hanya dibentuk pada 14 Disember.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada sidang akhbar selepas itu, tidak menolak kemungkinan bekas ketua pembangkang, Lim Kit Siang, yang tewas dalam pilihan raya umum 29 November lalu, menjadi dalang kejadian itu.

Kejadian bermula kira-kira jam 10 pagi apabila Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Mohd Salleh Hassan membaca proklamasi daripada Yang di-Pertuan Agong mengenai permulaan persidangan.

Ketika itu, Fadzil (Pas-Pendang) bangun mempertikaikan mengenai kesahihan persidangan itu dan meminta supaya mesyuarat ditangguhkan.

"Jemaah Menteri baru bermesyuarat 15 Disember sedangkan notis pemberitahuan dikeluarkan pada 13 Disember. Siapa yang beri nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa Parlimen mula bersidang hari ini?"

"Ini perkara serius. Mengikut fasal 40 (1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Kabinet. Persidangan ini dianggap tidak sah," katanya, sambil disambut dengan tepukan meja oleh ahli-ahli pembangkang.

Mohd Salleh bangun dan berkata, mengikut kelaziman, anggota Parlimen hanya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan selepas semua anggota mengangkat sumpah jawatan.

Dr Mahathir kemudian menjelaskan, sebaik Parlimen dibubar, ia dikendalikan oleh kerajaan sementara di mana kuasa Perdana Menteri tetap sama dan berhak memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong tanpa perlu menunggu kerajaan baru dibentuk.

"Yang beri nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong ialah Perdana Menteri iaitu Perdana Menteri yang berhak dalam kerajaan sementara," katanya disambut tepukan meja daripada penyokong kerajaan.

Pertelingkahan berterusan apabila pembangkang kelihatan masih tidak berpuas hati. Pada satu ketika, sekurang-kurangnya 10 anggota kerajaan dan pembangkang berdiri sambil memekik.

Dalam kekecohan itu, Dr Mahathir bangun dan berkata, beliaulah yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai tarikh mesyuarat Dewan Rakyat yang bermula hari ini.

Beberapa anggota pembangkang bangun dan terus membuat bising sambil melemparkan kata-kata yang tidak sepatutnya diluahkan dalam Dewan seperti "bodoh" dan "kurang ajar".

Tanpa menghiraukan keadaan itu, Mohd Salleh meneruskan agenda dengan meminta Perdana Menteri membawa usul pelantikan Speaker Dewan Rakyat.

Dr Mahathir kemudian mencadangkan Tun Mohamed Zahir Ismail dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan disokong oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Mohamed Zahir mula memegang

jawatan itu sejak 14 Jun 1982.

Dewan terus tegang apabila anggota pembangkang sekali lagi bangun sambil berteriak apabila desakan mereka tidak dihiraukan.

Mereka enggan menerima penjelasan, termasuk daripada Mohamed Zahir yang memberitahu bahawa Perdana Menteri dalam kerajaan sementara berkuasa memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Berikutan itu, kira-kira jam 10.55 pagi, ahli pembangkang, diketuai Fadzil, bangun seorang demi seorang keluar apabila upacara mengangkat sumpah hendak dimulakan.

Antara yang keluar ialah 25 wakil Pas, 10 dari DAP, lima Parti Keadilan Nasional dan tiga Parti Bersatu Sabah (PBS). Dua lagi wakil Pas, Abdul Hadi Awang (Marang) dan Mustafa Ali (Dungun) tidak hadir.

Bagaimanapun, Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden (PBS) Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berada seketika di dalam dewan. Kedua-dua mereka hanya keluar kira-kira 11 pagi iaitu selepas Dr Mahathir selesai mengangkat sumpahnya.

Majlis mengangkat sumpah itu berjalan lancar dan kira-kira 12.15 tengah hari, ketika sebahagian lagi penyokong kerajaan menunggu giliran untuk mengangkat sumpah, anggota pembangkang memasuki semula Dewan dan turut mengangkat sumpah selepas itu.

Dalam sidang akhbarinya, Dr Mahathir yang kesal dengan tindakan pembangkang itu menyifatkan mereka sebagai samseng jalanan.

"Nampak seolah-olah dalang apa yang berlaku ialah Lim Kit Siang, selepas dia tidak ada kerusi dalam Dewan Rakyat, maka dia cuba pengaruhi yang lain. Kita dapati seolah-olah Lim Kit Siang boleh tarik tali supaya parti lawan ini boleh mengikut rentak dia.

"Saya berasa dukacita kerana orang lain boleh jadi "puppet master" dalam dewan ini. Ini menjadi petunjuk kurang baik untuk masa depan dewan," katanya.

Fadzil ketika ditemui di luar dewan kemudian menafikan bahawa Lim memainkan peranan hingga tercetus kejadian itu.

Beliau juga berkata, keasnggupan mereka untuk mengangkat sumpah adalah bagi membolehkan mereka turut serta menyertai perbincangan di Dewan.

(END)